

Bajet 2017: FAA harap banyak dana pembangunan

UM 19/10
KUALA LUMPUR 18

Okt. - Agensi Akreditasi Kewangan (FAA) yakin lebih banyak dana akan diperuntukkan bagi pembangunan bakat, khususnya dalam perkhidmatan kewangan seiring aspirasi negara untuk menjadi negara maju menjelang 2020.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr. Amat Taap Manshor berkata, pembangunan bakat bagi industri perkhidmatan kewangan adalah penting dalam usaha menjadikan negara lebih kompetitif.

"Kami amat berharap Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Tun Razak) akan mengumumkan peruntukan besar untuk pembangunan bakat dalam industri ini," katanya kepada pemberita semasa sesi Meja Bulat Media di sini, hari ini.

Najib yang juga Menteri Kewangan, akan membentangkan Bajet 2017 di Parlimen pada Jumaat ini.

Amat berkata: "seperti yang anda ketahui, kita (semua) bercakap mengenai teknologi kewangan. (Oleh itu), kita perlu mengetahui bukan hanya aspek infrastruktur malah bakat yang boleh menyokong pembangunan tersebut".

Teknologi kewangan atau dikenali sebagai fintech merupakan industri ekonomi melibatkan syarikat yang menggunakan teknologi ke arah perkhidmatan kewangan lebih cekap.

Selain perkhidmatan kewangan, beliau berkata, lebih banyak dana perlu disalurkan kepada universiti memandangkan ia akan membantu penuntut sedia untuk pasaran sebaik sahaja tamat pengajian. - BERNAMA